

## **Cabaran dan Strategi Kelangsungan Politik UMNO di Johor, 2008-2018**

### *Challenges and Strategies for UMNO's Political Survival in Johor, 2008-2018*

Muhammad Naim Fakhirin<sup>1\*</sup>, Zulkanain Abdul Rahman<sup>2</sup>, Fatimi Hanafi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: naim\_fakhirin@yahoo.com

#### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan kelangsungan politik UMNO di Johor berdasarkan kepada cabaran dan strategi di negeri ini. Sejak PRU 12, kedudukan UMNO selaku penaung politik di Johor ini dicabar oleh parti pembangkang yang terdiri dari DAP, PAS, PKR kemudian bertambah kepada parti baharu iaitu BERSATU dan AMANAH pada PRU 14. Peningkatan prestasi parti pembangkang yang menang empat kerusi DUN pada PRU 12, 18 kerusi DUN pada PRU 13 dan 36 kerusi DUN pada PRU 14, sekali gus membentuk kerajaan negeri di Johor membuktikan parti pembangkang berjaya meluaskan pengaruh terhadap politik negeri ini. Situasi ini menunjukkan kedudukan politik UMNO di Johor telah dicabar oleh parti pembangkang. Berdasarkan cabaran yang dihadapi oleh UMNO, kepimpinan parti tersebut mengatur semula langkah bagi mengukuhkan kedudukan dalam politik negeri ini. Kajian ini menggunakan kaedah penulisan sejarah dengan meneliti sumber primer iaitu laporan rasmi dari Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan akhbar arus perdana seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian sebagai sumber untuk penulisan. Hasil kajian ini mendapati parti pembangkang menggunakan isu seperti, percukaian GST dan kenaikan kos sara hidup sebagai kempen pilihan raya. Perkara ini menjadi cabaran terhadap UMNO dan parti tersebut berusaha merencanakan strategi dalam usaha mengekalkan status Johor sebagai 'kubu politik'. Selain itu, kajian ini mendapati strategi oleh UMNO tidak agresif dan tidak tersusun dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan di Johor. Kegagalan seterusnya menyebabkan parti tersebut kehilangan kuasa di negeri ini sejak kali pertama.

**Kata kunci:** UMNO; Johor; Strategi; Cabaran; Politik Malaysia

#### **Abstract**

*This article discusses the continuity of UMNO politics in Johor based on the challenges and strategies in the state. Since GE 12, UMNO's position as the political patron in Johor has been challenged by opposition parties consisting of DAP, PAS, PKR and then increased to new parties namely BERSATU and AMANAH. The performance of the opposition party, which successfully increased its victory from four DUN seats in GE 12 to 18 DUN seats in GE 13 and*

*finally 36 DUN seats, thus forming the state government in GE 14, proves that the opposition party has succeeded in expanding its influence on Johor politics. This situation shows that UMNO's influence in Johor politics is declining. This study uses the method of historical writing by examining primary sources including official reports from the Election Commission of Malaysia, the Department of Statistics Malaysia and mainstream newspapers such as Utusan Malaysia and Berita Harian as sources for writing. The findings of this study found that the opposition party used several issues such as member divisions, GST taxation and the increase in the cost of living. This has become a challenge for UMNO and the party is trying to plan a strategy in an effort to maintain Johor's status as a 'political stronghold'. In addition, this study found that UMNO was slow to act to strengthen its position in Johor because it had become comfortable with the title of political stronghold, fixed deposit in Johor, causing UMNO to lose power in the state for the first time in the party's political history.*

**Keywords:** *UMNO, Johor, Strategy, Challenge, Malaysia Politic*

### **Pengenalan**

Setiap parti yang terlibat dalam pilihan raya mempunyai cabaran yang harus ditangani oleh pemimpin parti tersebut. Dalam institusi politik, semakin lama sesebuah parti itu berkuasa, semakin banyak rintangan dan cabaran yang perlu dihadapi (Weiss, 2014, 28). Begitu juga dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO/*United Malays National Organization*), sejak ditubuhkan pada 1946, cabaran yang dihadapi oleh UMNO adalah sangat sengit, terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu. Pelbagai asakan yang dihadapi oleh UMNO di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia menjadikan politik di rantau tersebut dinamik dan sukar untuk diramal (Amer Saifudee, 2015, 27). Namun begitu, situasi politik berbeza di Johor kerana negeri ini dianggap sebagai 'kubu politik' terhadap UMNO dan Barisan Nasional (BN).<sup>1</sup> Malahan, pemimpin UMNO atau dari parti komponen BN yang dianggap penting, dipindahkan untuk bertanding di Johor kerana kerusi DUN atau Parlimen di negeri ini dikategorikan sebagai 'kawasan selamat'.<sup>2</sup> Oleh itu, pengundi di Johor ini dianggap sebagai 'aset tetap' terhadap sokongan bagi UMNO dan BN.

Walaupun Johor digelar sebagai 'kubu UMNO', namun gelaran tersebut tidak menghalang parti pemerintah itu menghadapi cabaran di Johor. Keputusan yang diperolehi UMNO dan parti komponen BN pada PRU 12 memperlihatkan status Johor sebagai 'kubu politik' UMNO dan BN tercalar ekoran kejayaan Parti Tindakan Demokratik (*Democratic Action Party/DAP*) memenangi empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Bentayan, Mengkibol, Skudai, Senai dan satu kerusi Parlimen iaitu Bakri. Walaupun kerusi yang dimenangi DAP itu merupakan kerusi majoriti pengundi Cina, namun UMNO turut terkesan ekoran kegagalan BN mempertahankan kemenangan 100 peratus kerusi DUN dan Parlimen sebagaimana PRU 11. Selain itu, prestasi UMNO pada PRU 12 ini turut terkesan akibat daripada kemerosotan jumlah undi yang dicatatkan oleh parti itu di Johor. Walaupun berjaya memenangi kesemua kerusi DUN dan Parlimen yang ditandingi, namun kerusi-kerusi ini mencatatkan penurunan majoriti yang mendadak. Misalnya di Parlimen Pasir Gudang, UMNO menang dengan majoriti 31,121 undi pada PRU 11 merosot kepada 17,281 undi pada PRU 12. Manakala di Parlimen Johor Bahru, UMNO menang dengan majoriti 46,792 undi pada PRU 11 merosot kepada 25,349 undi pada PRU 12 (Laporan SPR 2008). Kemerosotan jumlah majoriti undi ini membuktikan UMNO menghadapi saingan yang sengit dari parti pembangkang sejak bermula dari PRU 12.

Situasi ini secara tidak langsung membuktikan UMNO menghadapi cabaran yang sengit di Johor sepanjang tempoh penglibatan parti itu dalam pilihan raya sejak PRU 1955. Cabaran tersebut merangkumi protes dalaman ahli, kecenderungan pengundi muda terhadap

pembangking, isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Cabaran yang dihadapi oleh parti itu seterusnya memperlihatkan tindakan daripada pemimpin UMNO Johor mengatur strategi bagi mengukuhkan kedudukan. Antara tindakan yang dilakukan oleh UMNO adalah menerapkan budaya politik pembangunan, fokus terhadap kempen di kawasan FELDA dan memberi penekanan politik ‘ketuanan Melayu’.

### **Kajian Literatur**

Sungguhpun banyak kajian yang ditulis mengenai politik Malaysia terutamanya yang melibatkan Johor, namun aspek kajian masih lagi tertumpu mengenai UMNO kerana negeri ini sinonim dengan gelaran ‘kubu’ atau ‘deposit tetap’ bagi parti tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan aspek perbincangan dalam kajian terdahulu dibuat secara umum tanpa memperincikan bentuk persaingan atau tindakan yang direncanakan oleh parti tersebut bagi berhadapan dengan pihak lawan. Antara kajian tersebut adalah artikel oleh Madhi Hassan dan Hamdan Mohd Salleh yang bertajuk “PRU-14: Berakhirnya Era Kegemilangan Konsosiasionalisme”. Kajian ini membincangkan mengenai kekalahan yang dihadapi oleh BN pada PRU 14. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan bentuk persaingan yang hadapi oleh BN, terutamanya persaingan yang dihadapi UMNO, dalam usaha untuk mempertahankan pengaruh parti tersebut di Johor (Madhi Hassan & Hamdan Salleh, 2021). Begitu juga dengan kajian oleh Kai Ostwald yang bertajuk “Electoral Boundaries in Malaysia’s 2018 Election Malapportionment, Gerrymandering and UMNO’s Fall”. Kajian ini membincangkan faktor utama yang menyebabkan UMNO tewas kepada Pakatan Harapan pada PRU 14 adalah persempadanan semula kawasan pilihan raya. Walau bagaimanapun, kajian tersebut membincangkan faktor kekalahan ini dalam konteks politik Malaysia secara umum dan tidak memperincikan dalam konteks politik negeri Johor (Ostwald, 2018).

Di samping itu, terdapat juga kajian yang memfokuskan mengenai politik masyarakat Cina di Johor namun aspek perbincangan yang dilakukan secara umum tanpa menyentuh persaingan yang berlaku antara parti kerajaan dan parti pembangkang. Antaranya adalah kajian oleh Kevin Zhang, John Choo dan Fong Sok Eng yang bertajuk *The Democratic Action Party in Johor: Assailing the Barisan Nasional Fortress*. Kajian ini membincangkan mengenai kebangkitan DAP terhadap politik di Johor. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya membincangkan mengenai kemenangan yang dicapai oleh DAP secara umum tanpa memperincikan faktor utama yang membolehkan parti tersebut menewaskan pesaing utama mereka iaitu MCA sekali gus menguasai pengundi Cina di Johor (Kevin Zhang, John Choo & Fong Sok Eng, 2021). Manakala kajian oleh Lee Hock Guan dan Nicholas Chan yang bertajuk *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor* membincangkan mengenai prestasi MCA di Johor sejak dari Tanah Melayu merdeka sehingga PRU 14. Walaupun kajian ini menyatakan MCA berjaya mendominasi politik masyarakat Cina di Johor, namun kajian ini tidak memperincikan tindakan yang dilakukan oleh parti tersebut bagi menghadapi persaingan yang dilakukan oleh DAP di negeri ini (Hock Guan & Chan, 2018).

Sehubungan dengan perkara tersebut, sebuah kajian baharu akan membincangkan politik di Johor dengan memperincikan persaingan yang dihadapi oleh UMNO dari parti pembangkang terutamanya daripada DAP, sekali gus dapat menunjukkan persaingan politik antara parti yang mewakili kerajaan dan parti yang mewakili pembangkang terhadap persaingan pengaruh politik di negeri ini.

### **Metodologi Kajian**

Kajian yang dilakukan berkenaan cabaran dan tindakan UMNO dalam usaha untuk menghadapi persaingan politik di Johor ini menggunakan kaedah kualitatif. Sumber utama

yang digunakan dalam perbincangan kajian meliputi sumber primer seperti yang digariskan dalam disiplin sejarah iaitu laporan rasmi dari Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia iaitu Helaian Mata (*Scoresheets*) Keputusan Pilihan Raya dan Laporan Rasmi Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya. Selain itu, kajian ini turut menggunakan laporan rasmi dari jabatan kerajaan yang lain seperti laporan dari Jabatan Audit Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan FELDA. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan tindakan dan strategi yang direncanakan oleh UMNO bagi menghadapi persaingan politik di Johor.

Bagi mendapatkan kesinambungan dengan kajian yang akan dilakukan, kajian ini turut menggunakan buku dan kajian oleh sarjana terdahulu sebagai sumber kajian dengan meneliti rencana yang disiarkan berkaitan dengan fokus kajian. Kajian sarjana terdahulu penting bagi kajian yang dilakukan, terutamanya bagi mendapatkan gambaran awal mengenai perincian kajian yang akan dilakukan. Kajian oleh sarjana terdahulu ini turut dijadikan sebagai rujukan untuk menganalisis kelompongan yang terdapat pada kajian lalu, seterusnya dapat menghasilkan sebuah kajian baharu.

### **Cabaran UMNO di Johor**

UMNO sering menjadi tumpuan dalam PRU kerana peranan parti itu menerajui kerajaan negeri dan Persekutuan sejak PRU pertama diadakan. Keadaan ini menjadikan UMNO menghadapi cabaran yang paling sengit daripada parti pembangkang berbanding parti lain dalam komponen BN seperti Persatuan Cina Malaysia (*Malaysian Chinese Association/MCA*), Kongres India Se-Malaysia (*Malaysian Indian Congress/MIC* ataupun Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN). Antara cabaran yang dihadapi oleh UMNO sepanjang tempoh PRU 12 hingga PRU 14 adalah dakwaan rasuah yang membabitkan kerajaan negeri, pergolakan dalaman dan perpecahan ahli UMNO, kecenderungan pengundi muda terhadap pembangkang, serta peningkatan kos sara hidup di bandar dan luar bandar.

### ***Isu Rasuah dan Penyalahgunaan Kuasa***

Isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa terhadap UMNO dilihat sebagai cabaran yang perlu dipertahan oleh kesemua calon UMNO di Johor. Sejak parti pembangkang bekerjasama sebagai sebuah gabungan pada PRU 12, mereka mendakwa UMNO mengamalkan rasuah dan berleluasa dalam pentadbiran negeri dan Persekutuan (Suara Keadilan, 29 Julai 2015). Dakwaan isu rasuah oleh parti pembangkang, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) menyebabkan calon UMNO yang bertanding perlu berkempen dengan lebih agresif untuk menafikan dakwaan calon dari pembangkang. Perkara ini diakui oleh calon UMNO untuk kerusi DUN Endau, Alwiyah Talib. Pada PRU 14, parti komponen Pakatan Harapan (PH) berkempen mengenai isu rasuah tanah negeri Johor yang membabitkan penyandang kerusi tersebut iaitu Datuk Abdul Latiff Bandi.<sup>3</sup> Hal ini menjadi kesukaran untuk Alwiyah berkempen kerana kes tersebut masih dibicarakan dimahkamah. (Berita Harian, 30 April 2018). Selain itu, beliau menghadapi kesukaran untuk berkempen kerana dalam masa yang sama perlu mempertahankan kes itu kerana tuduhan yang dilemparkan oleh calon parti lawan melibatkan partinya (Berita Harian, 30 April 2018). Oleh itu kebanyakan kempen yang dilakukan oleh beliau adalah penerangan manifesto dan kejayaan UMNO dan BN dalam mentadbir Johor (Berita Harian, 30 April 2018).

Selain itu, dakwaan rasuah yang dihadapi oleh UMNO Johor juga membabitkan pembangunan hartanah *Forest City*.<sup>4</sup> Isu ini menjadi kempen utama oleh calon-calon daripada parti pembangkang. Misalnya Pengerusi DAP Johor, Liew Chin Tong (2015-Sekarang) menyatakan, projek pembangunan *Forest City* ini dibangunkan untuk warga asing semata-mata. Manakala Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad (2017-2020)

menyatakan, *Forest City* membuktikan Kerajaan Negeri Johor menjual tanah kepada warga asing terutamanya pelabur dari China apabila mengisytiharkan jualan rumah di *Forest City* berstatus milik kekal (Utusan Malaysia, 1 Januari 2018).

Isu *Forest City* menjadi cabaran terbesar untuk UMNO Johor kerana ia dijadikan kempen secara meluas oleh pemimpin pembangkang. Penglibatan Tun Dr. Mahathir dalam gabungan parti pembangkang menyebabkan sokongan pengundi Melayu berpecah antara UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) kerana majoriti pengundi Melayu, menghormati kredibiliti beliau yang pernah berkhidmat sebagai Perdana Menteri Malaysia dari 1981-2003. Pemimpin UMNO Johor seperti Dato' Khaled Nordin, Dato' Sri Azalina Othman, Dato' Seri Hishamuddin Hussein dan Tan Sri Shahrir Abdul Samad bertindak untuk melawan tohmahan pemimpin parti pembangkang mengenai isu *Forest City*, namun hujah mereka ditenggelami oleh dakwaan pemimpin pembangkang (Hutchinson, 2018). Walaupun isu ini dinafikan oleh pemimpin UMNO Johor, namun isu ini tetap menjadi tumpuan utama oleh pengundi dan memberi kesan terhadap UMNO kerana pemimpin PH, terutamanya dari DAP berkempen mengenai hal ini dengan lebih agresif.

Dakwaan rasuah yang diamalkan oleh pentadbiran UMNO dijadikan kempen secara meluas oleh pemimpin parti pembangkang. Perkara ini menjadi cabaran terhadap pemimpin UMNO untuk mengekalkan integriti parti itu bagi mengukuhkan sokongan dalam kalangan pengundi Melayu di Johor (Hutchinson, 2018). Pada 2015, UMNO terpalit dengan kontroversi membabitkan Presiden parti itu, Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak (2009-2018). Awal 2015, penyelewengan dana *One Malaysia Development Berhad* (1MDB) mula diperkatakan oleh pemimpin pembangkang, terutamanya daripada DAP. Setiausaha Publisiti DAP Kebangsaan, Tony Pua (2012-2022) menyatakan, duit kerajaan dipindahkan kepada 1MDB dan digunakan untuk menanggung perbelanjaan mewah oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak (2009-2018) dan isterinya (Suara Keadilan, 29 Julai 2015).

Sehubungan dengan perkara tersebut, tersebar berita mengenai wang sebanyak RM 2.6 bilion dikreditkan ke dalam akaun bank peribadi Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak. Gambar penyata akaun bank peribadi beliau tersebar dalam media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* serta akhbar milik parti pembangkang seperti *Suara Keadilan* milik PKR dan *The Rockets* milik DAP. Dakwaan penyelewengan dana 1MDB ini mencalarakan imej UMNO dalam kalangan pengundi Melayu di Johor. Isu ini seringkali dijadikan kempen utama oleh Tun Dr. Mahathir sepanjang tempoh kempen pilihan raya. Malah keadaan bertambah buruk apabila bekas Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin (2009-2016) dipecat dari parti itu kerana memberi teguran terhadap kerajaan mengenai penyelewengan dana oleh 1MDB.

Walaupun isu ini melibatkan kerajaan Persekutuan, namun dakwaan penyelewengan ini membabitkan pemimpin UMNO Pusat memberi kesan terhadap pemimpin UMNO di Johor. Isu 1MDB ini menjadi kempen yang paling besar oleh PH dalam usaha mereka meningkatkan sokongan dalam kalangan pengundi Melayu di Johor. Penyertaan Tun Dr. Mahathir dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam gabungan parti pembangkang dan berkempen mengenai isu ini di seluruh Johor memberi tamparan hebat kepada pemimpin UMNO di negeri ini untuk menangani dakwaan penyelewengan dana kerajaan oleh 1MDB.

Isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pemimpin UMNO merupakan isu yang sering dijadikan kempen oleh parti pembangkang. Namun setelah beberapa tokoh berpengaruh dari UMNO yang dipecat seperti Tan Sri Muhyiddin dan Tun Dr. Mahathir menjadikan isu rasuah dan penyelewengan kuasa, terutamanya melibatkan 1MDB sebagai kempen, perkara ini berjaya mencuri perhatian pengundi Melayu. Kedua-dua tokoh ini 'berdiri diatas pentas parti pembangkang' dan berjaya menjadikan isu ni sebagai 'kempen besar-besaran'. Situasi ini menjadikan cabaran yang perlu dihadapi oleh UMNO di Johor.

### ***Protes Dalaman dan Perpecahan Ahli***

Krisis pengguguran Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri (2009-2015) serta pemecatan beliau daripada jawatan Timbalan Presiden UMNO (2009-2016) memberi kesan terhadap kepimpinan UMNO dan penyokong parti itu di Johor. Pada 28 Julai 2015, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak mengumumkan barisan kabinet Menteri yang baharu. Dalam pengumuman itu, Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak menegaskan perlu menggugurkan beberapa orang Menteri, termasuk Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana tidak sependapat dengan kerajaan dan mengkritik kerajaan di tempat terbuka (Utusan Malaysia, 28 Julai 2015). Selain itu, tugas Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Presiden UMNO juga terbatas. Ucapan pengguguran oleh Timbalan Presiden digugurkan dalam acara parti. (Berita Harian, 9 Disember 2015). Keadaan yang berlaku ini menunjukkan pimpinan UMNO Pusat berusaha untuk mengurangkan peranan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Presiden UMNO, sekali gus memberi tekanan terhadap beliau. Namun dalam masa yang sama, Tan Sri Muhyiddin Yassin terus mengkritik kerajaan dan UMNO secara berterusan. Misalnya beliau menyatakan kerajaan perlu menjelaskan isu 1MDB supaya tidak timbul persoalan dan keraguan rakyat terhadap UMNO dan kerajaan. Kritikan berterusan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin terhadap kepimpinan UMNO dan kerajaan menyebabkan beliau dipecat keahlian dari UMNO.

Pada 24 Jun 2016, mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO sebulat suara bersetuju untuk memecat Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Dato' Seri Mukhriz Mahathir, manakala Datuk Seri Shafie Apdal digantung keahliannya. Selepas mesyuarat itu, UMNO mengadakan sidang media yang dihadiri oleh Naib Presiden parti itu, Dato' Seri Zahid Hamidi, Dato' Sri Ismail Sabri dan Dato' Seri Hishamuddin Hussein. Dalam sidang media tersebut, Zahid Hamidi menyatakan, pemecatan Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir dilakukan berdasarkan perlembagaan parti (Utusan Malaysia, 25 Jun 2016). Beliau menegaskan, sebagai ahli dan menjawat jawatan yang penting dalam parti, Muhyiddin dan Mukhriz sepatutnya mengkritik mengikut saluran yang disediakan oleh parti seperti mesyuarat Majlis Tertinggi ataupun mesyuarat peringkat bahagian (Utusan Malaysia, 25 Jun 2016).

Pemecatan Muhyiddin Yassin memberi implikasi terhadap UMNO Johor. Pemecatan ini menyebabkan UMNO Johor berpecah kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan penyokong Muhyiddin, kumpulan penyokong Najib dan kumpulan penyokong atas pagar yang lebih kepada 'tunggu dan lihat' (Utusan Malaysia, 30 November 2016). Kumpulan penyokong Muhyiddin, terutamanya ahli UMNO Bahagian Pagoh bertindak keluar parti. Rata-rata penyokong Muhyiddin terdiri daripada kumpulan peneroka FELDA. Keadaan ini sekali gus memberi impak terhadap kedudukan sokongan UMNO di kawasan FELDA seluruh Johor. Pemecatan Muhyiddin dari UMNO menyebabkan parti tersebut dilihat mengamalkan 'dasar kuku besi' (Utusan Malaysia, 12 Mei 2017). Perkara ini menjadi cabaran terhadap UMNO, terutamanya dalam usaha untuk meningkatkan semula sokongan dan pengaruh di Johor bagi menghadapi PRU 14.

Selain itu, UMNO Johor juga menghadapi cabaran dalam bentuk protes dalaman yang dilakukan oleh ahli parti itu sendiri. Protes dalaman ini berlaku disebabkan oleh tidak bersetuju dengan calon yang dipilih oleh secara langsung oleh kepimpinan parti peringkat negeri dan tidak dibincangkan terlebih dahulu di peringkat UMNO Bahagian (Hutchinson, 2018). Akibat dari protes ini, calon UMNO bukan sahaja mengalami kesukaran untuk menggerakkan jentera parti untuk berkempen, malah beredapan dengan risiko untuk mengalami kekalahan. Misalnya pada PRU 14, UMNO mengalami kekalahan di Parlimen Batu Pahat kerana protes dalaman yang dilakukan oleh ahli UMNO sendiri (Utusan Malaysia, 30 November 2016).

Menurut calon untuk kerusi tersebut, Haliza Abdullah, beliau tewas disebabkan oleh protes dalaman daripada ahli UMNO. Beliau menyatakan, mereka melakukan protes dengan mengundi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan PKR kerana tidak bersetuju beliau dicalonkan

dan mahu Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat, Datuk Dr. Puad Zarkashi (2008-2023) dicalonkan (Berita Harian, 12 Mei 2018). Walau bagaimanapun Puad Zarkashi menafikan perkara ini dan beliau menyatakan, UMNO tewas di Parlimen ini disebabkan oleh perpecahan undi Melayu dan prestasi buruk UMNO di peringkat Persekutuan (Berita Harian, 12 Mei 2018). Walaupun hal ini dinafikan, namun pada peringkat awal penamaan calon, Puad sendiri berhasrat untuk bertanding sebagai calon BEBAS setelah tidak dipilih oleh UMNO. Protes dalaman yang dilakukan oleh ahli UMNO di Batu Pahat menyukarkan calon UMNO untuk kerusi Parlimen tersebut berkempen, sekali gus menyumbang kepada kekalahan.

### ***Kecenderungan Pengundi Muda Terhadap Parti Pembangkang***

Sejak PRU 12, pengundi muda semakin menjauhi UMNO dan sokongan mereka mula cenderung terhadap parti pembangkang. Perkara ini menjadi cabaran terhadap UMNO di Johor untuk mengukuhkan kedudukan politik mereka. Pada PRU 12, jumlah pengundi muda di Johor adalah 478,392 orang daripada pengundi keseluruhan iaitu 1,279,125 orang (Laporan Pilihan Raya SPR, Johor, 2013). Beberapa kerusi Parlimen memperlihatkan pengundi muda mengundi calon yang mewakili parti pembangkang. Antaranya adalah di Parlimen Pasir Gudang. Pada PRU 12, jumlah pengundi muda di Parlimen ini adalah 29,677 orang daripada jumlah pengundi keseluruhan iaitu 72,862 orang (Laporan Pilihan Raya SPR, Johor, 2013). Sebahagian daripada pengundi muda di Parlimen ini didapati mengundi calon dari PKR. Keadaan ini mengejutkan UMNO Johor kerana jumlah majoriti undi yang diperoleh oleh calon UMNO untuk kerusi ini merosot kepada 17,281 undi berbanding jumlah majoriti yang diperoleh PRU 11 iaitu 31,121 undi. Pada PRU 13 turut memperlihatkan UMNO gagal mendapatkan sokongan dari pengundi muda di Parlimen ini. Walaupun masih memenangi Parlimen Pasir Gudang, namun jumlah majoriti yang dicatatkan adalah sangat tipis iaitu 953 undi (Helaian Mata, Parlimen Pasir Gudang, 2013).

Faktor utama yang menyebabkan UMNO sukar mendapat sokongan dari pengundi muda adalah disebabkan pemimpin parti itu bersifat elit dan sukar untuk didekati oleh golongan pengundi muda. Kebanyakan pemimpin UMNO di Johor didakwa lebih bersifat elit dan perkara ini tidak digemari oleh generasi baharu yang rata-ratanya bersikap 'santai, cepat dan mendesak' (Ostwald, 2018, 24). Terdapat segelintir daripada ADUN dan Ahli Parlimen dari UMNO gagal mendekati pengundi dan mereka hanya muncul lima tahun sekali semasa tempoh kempen untuk PRU (Utusan Malaysia, 30 November 2016). Selain itu, isu yang melibatkan golongan pengundi muda, tidak diselesaikan dengan efektif oleh kerajaan negeri. Antaranya isu lambakan graduan yang menganggur. Walaupun kerajaan negeri, dengan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (*Federal Land Development Authority/FELDA*) dan pihak bank cuba mewujudkan peluang pekerjaan melalui karnival yang diadakan, namun ianya tidak efektif untuk golongan muda di Johor. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Johor, jumlah kadar pengangguran dalam kalangan belia di Johor pada 2018 adalah 3.6 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Kegagalan kerajaan negeri menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan ramai golongan belia memilih untuk bekerja di Singapura. Persinggahan mereka di dua negara berbeza menyebabkan golongan ini membuat perbandingan antara Malaysia dan Singapura. Kesan daripada hal ini, semakin ramai golongan muda memberi sokongan kepada parti pembangkang pada PRU 13 dan PRU 14 di Johor (Ostwald, 2018, 39).

Bagi mengukuhkan kembali sokongan dari pengundi muda, pemimpin UMNO Johor perlu memainkan peranan sebagai perantaraan untuk menyuarakan isi hati dan memenuhi aspirasi mereka. UMNO perlu dijernihkan semula agar tidak bersifat elit bangsawan supaya golongan belia mudah untuk merapati pemimpin UMNO. Sekiranya UMNO gagal untuk mendapat semula sokongan dari pengundi muda, ianya akan memberi kesan terhadap

kedudukan parti ini dalam politik Malaysia pada masa akan datang. Peluang ini akan digunakan oleh parti yang menjadi seteru terhadap UMNO, terutamanya DAP dan PKR untuk memastikan mereka terus berkuasa dan menggantikan kedudukan UMNO. Usaha-usaha untuk mendapatkan kembali sokongan dalam kalangan pengundi muda menjadi cabaran terhadap UMNO untuk memastikan parti itu terus relevan pada masa akan datang.

### ***Peningkatan Kos Sara Hidup***

Perkara asas yang menjadi tumpuan pengundi sejak PRU 12 adalah mengenai peningkatan kos sara hidup. Sebelum PRU 12 berlangsung, kos sara hidup di seluruh Johor, terutamanya di bandar-bandar besar seperti Batu Pahat, Kluang dan Johor Bahru meningkat dengan mendadak. Peningkatan kos sara hidup ini disebabkan oleh kos bahan bakar, iaitu minyak petrol meningkat sebanyak 41 peratus atau 78 sen, dari RM 1.92 seliter kepada RM 2.70 seliter. Manakala minyak diesel pula meningkat sebanyak 63.3 peratus, iaitu RM 1.00, dari RM 1.58 seliter kepada RM 2.58 seliter (Berita Harian, 5 Jun 2007). Peningkatan harga minyak ini menjadi rantaian kepada peningkatan harga makanan asas, seperti beras, gandum dan gula. Dalam masa yang sama, kerajaan cuba menyelesaikan masalah ini dengan meningkatkan gaji kakitangan awam, namun apa yang berlaku sebaliknya. Harga makanan terus meningkat dan ini menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat. Misalnya harga beras untuk lima kilogram di Johor Bahru sebelum harga minyak naik ialah sebanyak RM 15.50, manakala selepas minyak naik ialah RM 17.90 dan selepas pengumuman kenaikan gaji ialah RM 21.60 (Laporan Unit Perancang Ekonomi, 2008).

Peningkatan kos sara hidup ini memperlihatkan kerajaan berusaha menangani perkara ini dengan beberapa kaedah. Selain dari meningkatkan gaji kakitangan awam, kerajaan turut melaksanakan skim gaji minimum dalam kalangan sektor swasta (Ostwald, 2018, 24). Selain itu, kerajaan turut mengekalkan subsidi bagi beberapa keperluan asas seperti minyak masak dan juga beras putih. Namun begitu, tindakan yang dilakukan oleh kerajaan ini seolah-olah tidak menyelesaikan permasalahan yang berlaku kerana berlakunya unsur sabotaj dari kalangan rakyat sendiri (Ostwald, 2018, 24). Misalnya dalam isu minyak masak, jumlah yang sepatutnya sampai kepada rakyat yang memerlukan tidak menepati sasaran kerana pemborong menyeludup minyak masak kepada penduduk negara jiran (Hutchinson, 2018).

Selain itu, langkah proaktif oleh kerajaan ini dimanipulasi oleh tokoh-tokoh parti pembangkang dan mereka berusaha menonjolkan imej buruk terhadap kerajaan dengan dakwaan kerajaan tidak bertindak menangani isu kenaikan kos sara hidup. Misalnya Ketua Publisiti DAP, Tony Pua dalam kempen pilihan raya menyatakan kerajaan lambat bertindak menangani kos kenaikan harga barang ini sehingga menyebabkan orang tengah berjaya manipulasi perkara ini (Berita Harian, 17 Januari 2008). Berdasarkan kepada situasi ini, pemimpin dari parti pembangkang berjaya menunjukkan imej yang buruk terhadap kerajaan untuk kepentingan politik mereka. Perkara ini seterusnya memberi kesan terhadap kerajaan, terutamanya dalam tempoh pilihan raya semakin hampir (Hutchinson, 2018).

Oleh kerana isu peningkatan kos sara hidup ini dimanipulasi oleh calon-calon dari parti pembangkang, perkara ini memberi kesan terhadap sokongan pengundi, terutamanya di kawasan bandar seperti Johor Bahru. Keadaan ini terus berlaku pada 2013, iaitu semasa PRU 13 berlangsung, pemimpin dari parti pembangkang masih berusaha menonjolkan imej kerajaan sebagai pihak yang gagal menangani peningkatan kos sara hidup. Walaupun terdapat inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan seperti bantuan kewangan melalui program Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M), namun perkara tersebut tidak dilihat sebagai langkah dari kerajaan dimata pengundi kerana manipulasi imej oleh calon parti pembangkang (Hutchinson, 2018, 26).

Justeru itu, kenaikan kos sara hidup ini jelas memberi kesan terhadap penduduk bandar. Misalnya di Parlimen Johor Bahru, pada PRU 11, UMNO menang kerusi ini dengan majoriti 46,792 undi dan jumlah majoriti ini merosot kepada 25,349 undi pada PRU 12 dan jumlah ini



terus merosot kepada 10,134 undi pada PRU 13 (Helaian Mata, Parlimen Johor Bahru, 2013). Kemosot jumlah majoriti undi dalam dua PRU berturut-turut membuktikan berlakunya protes dalam kalangan pengundi dan ianya tidak ditangani oleh pemimpin UMNO Johor. Protes pengundi di kawasan bandar terhadap UMNO berterusan sehingga PRU 14, sekali gus menyebabkan UMNO mengalami kekalahan di Parlimen Johor Bahru dengan majoriti 19,782 undi (Helaian Mata, Parlimen Johor Bahru, 2018).

Dalam masa rakyat dibebani oleh peningkatan kos sara hidup yang tinggi, kerajaan telah memperkenalkan mekanisme pelaksanaan sistem cukai yang baharu iaitu Cukai Barang Perkhidmatan (*Government Service Tax/GST*). Menurut Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak, pengenalan GST untuk menstrukturkan semula sistem percukaian negara dan sistem percukaian ini dilaksanakan oleh negara-negara maju seperti United Kingdom, Singapura dan Australia. Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak juga menyatakan, cukai GST adalah yang terendah iaitu hanya enam peratus dan jumlah itu berpatutan dan munasabah dengan jumlah pendapatan masyarakat tempatan (Utusan Malaysia, 12 Mei 2015).

Walaupun begitu, pengenalan GST ini memberi kesan terhadap masyarakat terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Mereka tidak memahami dengan jelas tentang mekanisme pelaksanaan GST (Utusan Malaysia, 24 Mac 2018). Situasi yang berlaku ini secara tidak langsung memperlihatkan kegagalan pihak berwajib dari kerajaan, terutamanya dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam usaha memberi penerangan tentang sistem percukaian yang baharu ini kepada masyarakat (Hutchinson, 2018, 43). Kegagalan ini seterusnya menjadi beban kepada kerajaan walaupun GST adalah sistem cukai yang lebih sistematik (Hutchinson, 2018, 43). Situasi ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap kerajaan semasa UMNO berusaha mendapatkan semula sokongan rakyat.

Perkara ini seterusnya menjadi beban besar yang perlu ditanggung oleh kerajaan, khususnya UMNO apabila, isu GST ini dijadikan kempen oleh pemimpin PH untuk menyerang kerajaan. Pemimpin PH, terutamanya dari DAP mendakwa pelaksanaan GST adalah untuk menampung perbelanjaan mewah oleh pemimpin UMNO sedangkan status kewangan negara masih lagi tidak memerlukan cukai baharu (Suara Keadilan, 19 Mei 2015). Kempen mengenai keburukan GST ini dilakukan oleh pemimpin PH yang menjadikan ekonomi sebagai isu utama kempen seperti Dr. Mahathir, Muhyiddin, Azmin Ali dan Tony Pua. Dalam masa yang sama jentera pilihan raya dari UMNO tidak efektif mempertahankan isu GST dan hanya berkempen dengan cara yang lama, iaitu dari rumah ke rumah tanpa memberi penjelasan isu yang dikemukakan oleh calon dari pembangkang seperti isu percukaian GST (Hutchinson, 2018, 36). Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap kelangsungan politik UMNO di Johor.

Situasi ini menyebabkan pengundi mempercayai kempen dari parti pembangkang bahawa GST adalah bentuk penindasan baharu kerajaan terhadap rakyat. Berdasarkan kepada situasi yang berlaku dalam tempoh kempen pilihan raya 2013-2018, isu percukaian GST dan kenaikan kos sara hidup ini menjadi cabaran terhadap pemimpin-pemimpin UMNO Johor untuk mengekalkan sokongan di negeri ini, terutamanya dalam kalangan pengundi luar bandar.

Cabaran yang dihadapi oleh UMNO di Johor dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14 memperlihatkan pemimpin parti pembangkang semakin agresif berkempen di negeri ini. Mereka berhasrat untuk menguasai politik di Persekutuan dan tindakan yang perlu mereka lakukan adalah pecahkan dominasi UMNO di Johor terlebih dahulu untuk menubuhkan kerajaan Persekutuan. Walaupun kempen agresif yang dilakukan oleh parti pembangkang ini menjadikan politik di Johor semakin sengit, namun UMNO tidak bertindak dengan taktikal yang sama. Rata-rata pemimpin UMNO di Johor lebih bersikap tunggu dan lihat (Ostwald, 2018, 24). Selain itu, kedudukan politik yang selesa di Johor turut menyebabkan UMNO lambat bertindak untuk menyekat isu dari dimanipulasi oleh pemimpin pembangkang.

### **Strategi UMNO**

Strategi yang direncanakan oleh UMNO dilakukan bukan sahaja berdasarkan kepada cabaran yang dihadapi oleh parti itu di Johor, malah dilakukan untuk menguasai pengundi bagi mengukuhkan kedudukan parti itu di Johor. Strategi yang dilakukan oleh UMNO ini merangkumi keseluruhan sayap parti itu, sama ada dari Wanita ataupun Pemuda UMNO. Antara strategi utama yang dilakukan oleh pemimpin UMNO Johor untuk terus mengukuhkan kedudukan politik mereka adalah berdasarkan kepada budaya politik pembangunan, kempen di kawasan FELDA dan penekanan terhadap ketuanan Melayu, Islam dan institusi Raja.

### ***Politik Pembangunan***

Kedudukan UMNO sebagai parti yang menerajui kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Johor sejak PRU 1959 menjadikan parti tersebut mempunyai pengaruh yang kukuh, sama ada dari segi kuasa politik ataupun kewangan. Penguasaan terhadap kedua-dua entiti ini seterusnya menjadi asas terhadap pembentukan budaya politik UMNO, iaitu budaya politik pembangunan. Budaya politik pembangunan membawa maksud memperlihatkan kepada masyarakat tentang pembangunan dari segi aspek politik, sosial dan ekonomi hanya mampu dilakukan oleh satu pihak (Hiley, 2008, 31). Budaya politik pembangunan dalam UMNO ini berakar umbi sejak parti tersebut membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri di seluruh Malaysia termasuk Johor.

Budaya politik pembangunan ini dapat dilihat melalui ucapan oleh pemimpin UMNO Johor semasa dalam kempen untuk PRU. Mereka sentiasa menegaskan, tanpa UMNO, pembangunan tidak dapat dilakukan dengan lebih baik (Utusan Malaysia, 2 November 2015). Ini dapat dilihat berdasarkan kepada ucapan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Khaled Nordin (2013-2018) semasa berkempen di Parlimen Pasir Gudang pada PRU 14. Beliau menyatakan, kerajaan yang dipimpin oleh parti lain selain UMNO tidak mampu menyediakan pembangunan seperti yang dilakukan oleh kerajaan yang dipimpin oleh UMNO (Utusan Malaysia, 2 November 2015). Khaled Nordin turut membandingkan pentadbiran Johor yang dipimpin oleh UMNO jauh lebih baik berbanding dengan pentadbiran Selangor yang dikuasai oleh gabungan PKR, DAP dan PAS (Utusan Malaysia, 2 November 2015). Begitu juga dengan keadaan di Kelantan, Khaled Nordin menyatakan pembangunan di negeri itu terhenti setelah kerajaan negeri dikuasai oleh PAS, sehingga menyebabkan kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh BN menyelesaikan isu-isu yang berbangkit seperti menstrukturkan semula jaringan lebuhraya (Utusan Malaysia, 2 November 2015).

Selain itu, budaya politik pembangunan juga dilihat berdasarkan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor semasa tempoh kempen untuk PRU. Calon dari UMNO menggunakan kelebihan sebagai parti yang menerajui kerajaan untuk berkempen dalam pilihan raya. Sepanjang tempoh kempen tersebut, mereka menggunakan jentera kerajaan negeri seperti kereta dan kemudahan bangunan-bangunan milik kerajaan negeri untuk berkempen. Budaya politik pembangunan oleh UMNO ini dapat dilihat apabila kerajaan negeri meluluskan untuk pembinaan kemudahan baharu seperti penurapan jalan raya yang baharu di setiap DUN yang terpilih dan projek-projek kerajaan ini kebiasaannya akan dirasmikan oleh calon yang bertanding di kawasan berkenaan (Utusan Malaysia, 26 Oktober 2017).

Pada tempoh kempen untuk PRU 13, calon UMNO untuk Parlimen Batu Pahat, Puad Zarkashi merasmikan Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman di Batu Pahat. Selain itu, calon UMNO juga menjadi orang tengah dalam mengagihkan dana untuk membaiki masjid dan surau seluruh negeri Johor semasa tempoh kempen untuk PRU (Hutchinson, 2018, 31). Begitu juga dengan Program Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ)<sup>5</sup> (Utusan Malaysia, 26 Oktober 2017). Penyerahan kunci kepada penerima rumah tersebut dilakukan oleh calon UMNO yang bertanding di kawasan berkenaan. Misalnya penyerahan kunci RMMJ di Taman

Scientex, Pasir Gudang diserahkan oleh Khaled Nordin selaku calon di Parlimen itu (Utusan Malaysia, 26 Oktober 2017). Keadaan ini sekali gus memperlihatkan kepada penduduk Johor bahawa UMNO memberi khidmat yang terbaik kepada mereka.

Walaupun tindakan tersebut adalah untuk kerajaan negeri, namun ianya dilaksanakan untuk menonjolkan tindakan itu daripada UMNO. Berdasarkan kenyataan pemimpin UMNO Johor dan tindakan mereka semasa tempoh kempen untuk PRU, jelas bahawa mereka memberi bayangan kepada pengundi dan penduduk Johor bahawa hanya UMNO yang mampu menyediakan pembangunan terbaik untuk negeri Johor (Hutchinson, 2018, 33). Pengalaman dalam pentadbiran dan kedudukan kewangan yang kukuh melalui kerajaan Persekutuan dan negeri yang diterajui oleh UMNO menyebabkan peruntukan untuk pembangunan, terutamanya pada tempoh kempen PRU dapat disalurkan dengan mudah. Oleh itu budaya politik pembangunan ini menjadi pegangan terhadap semua calon UMNO dalam kempen mereka untuk kerusi yang ditandingi sama ada untuk kerusi DUN ataupun kerusi Parlimen.

Secara asasnya, budaya politik pembangunan oleh UMNO ini merupakan strategi parti tersebut untuk menonjolkan bahawa pembangunan infrastruktur dan ekonomi dan negeri hanya mampu dilakukan oleh UMNO kerana pengalaman dalam mentadbir Johor sejak Tanah Melayu mendapat kemerdekaan dari British. Budaya politik pembangunan yang diterapkan oleh pemimpin UMNO ini berjaya menngukuhkan kedudukan parti tersebut, terutamanya dalam kalangan pengundi Melayu untuk tempoh yang lama. Perkara ini menyebabkan pemimpin UMNO masih mengekalkan strategi ini sehingga tempoh sekarang.

### ***Kempen di Kawasan FELDA***

Jumlah tanah rancangan FELDA di seluruh Johor iaitu 72 buah kawasan menjadikan negeri ini sebagai negeri yang kedua mempunyai tanah rancangan FELDA yang terbanyak di Malaysia selepas Pahang yang mempunyai kawasan FELDA sebanyak 115 buah kawasan (*The Star*, 12 Mei 2018). Sebanyak 13 kerusi Parlimen di Johor mempunyai kawasan FELDA dan jumlah ini merupakan yang tertinggi di Malaysia. Jumlah ini membuktikan peneroka FELDA merupakan kumpulan pengundi yang penting kepada parti politik yang ingin menubuhkan kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri Johor melalui PRU. Pengerusi PH, Dr Mahathir Mohamad, (2018-2020) mengakui, sekiranya PH ingin menubuhkan kerajaan Persekutuan, mereka perlu menembusi kawasan FELDA di Johor terlebih dahulu (Utusan Malaysia, 4 Mei 2018). Oleh itu strategi UMNO Johor terhadap kerusi Parlimen yang mempunyai kawasan FELDA sangat penting dan mereka berusaha supaya undi dari peneroka tidak cenderung kepada PH.

Jadual 1 menunjukkan parlimen yang mempunyai kawasan FELDA yang paling banyak adalah Parlimen Pengerang dan Mersing iaitu sebanyak 12 petempatan. Kemudian diikuti oleh Parlimen Kota Tinggi iaitu sembilan petempatan, Parlimen Tenggara mempunyai kawasan FELDA sebanyak tujuh petempatan dan Parlimen Sembrong, Parlimen Kulai serta Parlimen Sekijang mempunyai lima kawasan petempatan. Ketujuh-tujuh kerusi Parlimen ini ditakrifkan sebagai ‘kerusi yang selamat’ untuk UMNO dan BN kerana mempunyai jumlah jumlah pengundi dari kawasan FELDA yang ramai. Manakala enam kerusi Parlimen yang lain mempunyai jumlah kawasan FELDA tidak melebihi lima petempatan iaitu Parlimen Segamat dan Simpang Renggam mempunyai tiga petempatan, Parlimen Labis dan Parlimen Pagoh mempunyai empat petempatan, Parlimen Tebrau mempunyai dua petempatan. Parlimen Ledang mempunyai satu kawasan petempatan.


**Jadual 1: Jumlah Tanah Rancangan FELDA di Johor Mengikut Parlimen di Johor**

<b>Bahagian Pilihan Raya</b>	<b>Tanah Rancangan Felda</b>	<b>Jumlah</b>
P140 Segamat	Palong Timur 01, Palong Timur 02, Palong Timur 03	3
P141 Sekijang	Kemelah, Medoi, Pemanis 01, Pemanis 02, Pemanis 03	5

P142 Labis	Chempelak, Chempelak Barat, Tenang, Maokil	4
P143 Pagoh	Bukit Serampang, Lenga, Sri Ledang, Maokil	4
P144 Ledang	Parit Haji Idris	1
P151 Renggam	Simpang Ayer Hitam, Layang-Layang, Simpang Renggam	3
P153 Sembrong	Bukit Tongkat, Kahang Barat, Kahang Timur, Ulu Belitong, Ulu Dengar, Penggeli	5
P154 Mersing	Nitar 01, Nitar 02, Tenggaroh 01, Tenggaroh 02, Tenggaroh 03, Tenggaroh 04, Tenggaroh 05, Tenggaroh 06, Tenggaroh 07, Tenggaroh Timur, Endau	12
P155 Tenggara	Bukit Besar, Bukit Ramun, Linggiu, Pasir Raja, Penggeli Timur, Sungai Sayong, Sungai Sibol	7
P156 Kota Tinggi	Bukit Aping Barat, Bukit Aping Timur, Bukit Easter, Bukit Waha, Lok Heng Barat, Lok Heng Timur, Lok Heng Selatan, Pasak, Simpang Waha	9
P157 Pengerang	Adela, Air Tawar 01, Air Tawar 02, Air Tawar 03, Air Tawar 04, Air Tawar 05, Kledang, Papan Timur, Sening, Semenchu, Sungai Mas, Tunggal.	12
P158 Tebrau	Ulu Tebrau, Cahaya Baru	2
P163 Kulai	Bukit Batu, Bukit Permai, Taib Andak, Inas Utara, Sungai Sayong	5
<b>JUMLAH</b>		<b>72</b>

Sumber: Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

**Peta 1: Kedudukan Kawasan FELDA Mengikut Parlimen di Johor, PRU Ke-14**



Petunjuk:  Tanah Rancangan FELDA

Sumber: Laporan Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan

Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam 2018 Jilid Satu, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia; Senarai FELDA Wilayah Segamat, FELDA; Senarai FELDA Wilayah Johor Bahru, FELDA.

Manakala Peta 1 menunjukkan kawasan petempatan FELDA di Johor. Berdasarkan kepada peta tersebut, setiap kerusi Parlimen di Johor mempunyai kawasan petempatan FELDA. Perkara ini menyebabkan kepimpinan UMNO Johor berusaha menjaga undi peneroka supaya kekal memberi sokongan kepada UMNO dan BN kerana sokongan daripada mereka akan mempengaruhi keadaan politik di Johor dan peringkat Persekutuan. Berdasarkan kepada kedudukan dan jumlah kawasan FELDA mengikut Parlimen tersebut, jelas bahawa kemenangan untuk kerusi Parlimen kawasan berkenaan bergantung kepada undi dari peneroka FELDA. Pada PRU 13, UMNO tidak menjangkakan mereka akan kalah di kawasan FELDA, terutamanya di Parlimen Kulai kepada DAP. Gelaran ‘deposit tetap’ terhadap peneroka FELDA menyedapkan lagi hati pemimpin parti tersebut. Oleh itu UMNO tidak melakukan kempen secara besar-besaran di kawasan FELDA pada PRU 13. Mereka hanya melakukan kempen seperti kebiasaannya iaitu melakukan lawatan dari rumah ke rumah.

Walaupun UMNO memberi tumpuan terhadap pengundi di kawasan FELDA, pemimpin dari parti pembangkang terutamanya PKR dan PAS turut agresif memberi tumpuan terhadap kawasan FELDA. Oleh itu pada PRU 13, terdapat Parlimen yang mempunyai kawasan FELDA mengalami kemerosotan majoriti walaupun masih lagi dimenangi oleh UMNO. Misalnya Parlimen Sekijang, pada PRU 13 jumlah majoriti yang dimenangi oleh UMNO adalah 3,007 undi merosot berbanding jumlah majoriti yang dimenangi pada PRU 12 iaitu 9,867 undi (Helaian Mata, Johor, 2013). Begitu juga dengan Parlimen Sembrong yang ditandingi oleh tokoh UMNO berpengaruh Johor, iaitu Hishamuddin Hussein, majoriti yang dicatatkan oleh UMNO merosot pada PRU 13 iaitu 11,570 undi berbanding dengan majoriti pada PRU 12, iaitu 10,631 undi (Helaian Mata, Parlimen Sembrong, 2013).

Kemerosotan ini membuktikan tindakan parti pembangkang untuk menguasai undi dari peneroka FELDA hampir berjaya. Selepas pengumuman keputusan PRU 13, Muhyiddin Yassin, yang ketika itu masih lagi menjawat Timbalan Presiden UMNO memberi ulasan mengenai prestasi UMNO di Johor dan menyatakan, pembangkang hanya memerlukan lima peratus sahaja lagi undi untuk menubuhkan kerajaan negeri di Johor, namun UMNO bernasib baik kerana undi di kawasan FELDA tidak mengalami perubahan dengan ketara berbanding kerusi di kawasan bandar yang menyebabkan beberapa kerusi parlimen yang ditandingi oleh UMNO hanya menang tipis (Berita Harian, 1 Disember 2016). Misalnya Parlimen Ledang, UMNO hanya menang dengan majoriti 1,967 undi pada PRU 13, berbanding dengan majoriti yang dicatatkan pada PRU 12 iaitu 7,617 undi (Helaian Mata, Parlimen Sembrong, 2013).

Pada PRU 14, UMNO Johor berusaha untuk mengekalkan sokongan di kawasan FELDA. Antara tindakan utama yang dilakukan oleh pemimpin UMNO Johor untuk mengekalkan undi peneroka FELDA adalah melakukan kempen secara besar-besaran di Parlimen Pagoh. Kempen UMNO di kawasan FELDA Johor bermula di Parlimen Pagoh kerana penyandang untuk kerusi parlimen ini merupakan bekas Timbalan Presiden UMNO, Muhyiddin Yassin. Selepas pemecatan beliau pada 2015, UMNO Johor berada dalam perpecahan, terutamanya di Parlimen Pagoh. Untuk meredakan situasi tersebut, UMNO Johor mengambil inisiatif melakukan kempen FELDA bermula di Parlimen Pagoh. Kempen ini dilakukan secara besar-besaran pada 2 Februari 2018 di FELDA Maokil dan dihadiri oleh semua pemimpin UMNO Johor dan UMNO Pusat, termasuk Presiden UMNO, Najib Abdul Razak (Utusan Malaysia, 10 Februari 2018). Melalui kempen ini, pemimpin UMNO mengambil peluang untuk memberi penerangan mengenai pengguguran Muhyiddin dari jawatan Timbalan Presiden UMNO dan seterusnya pemecatan beliau sebagai ahli UMNO.

Pada hari kempen tersebut, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor, Khaled Nordin menyatakan Muhyiddin Yassin dipecat kerana beliau melanggar disiplin parti

manakala Naib Presiden UMNO, Hishamuddin Hussein pula menyatakan Muhyiddin Yassin dipecat kerana tidak sehaluan dengan pentadbiran kerajaan (Utusan Malaysia, 13 Februari 2018). Manakala Presiden UMNO, Najib Razak menyatakan pengguran Muhyiddin daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri kerana kritikan beliau lebih condong ke arah pembangkang dan tidak mengikut saluran parti (Utusan Malaysia, 13 Februari 2018). Kenyataan Muhyiddin sebelum ini seperti kes 1MDB jelas akan digunakan oleh pihak parti pembangkang untuk mengkritik kerajaan.

Selain memberi penerangan mengenai pemecatatan Muhyiddin Yassin, kempen yang dilakukan di kawasan FELDA pada hari tersebut juga diteruskan melalui pengumuman pemberian inisiatif tambahan kepada penduduk FELDA iaitu geran tanah secara tetap (*The Star*, 9 Februari 2018). Seramai 271 peneroka telah diberi geran secara tetap oleh Presiden UMNO, Najib Abdul Razak. Beliau menyatakan, melalui pemberian geran tanah secara tetap tersebut bukan sahaja menamatkan penantian lebih daripada 20 tahun peneroka FELDA di Johor, malah ianya merupakan penghargaan kepada peneroka FELDA yang telah banyak berjasa kepada negara (*The Star*, 9 Februari 2018).

Kempen di kawasan FELDA ini juga dilakukan oleh calon UMNO yang lain. Misalnya Hishammuddin Hussein melakukan Program Sembrong Kita di seluruh Parlimen Sembrong. Manakala calon wanita seperti Azalina Othman, melakukan program untuk pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan sebahagian daripada calon seperti Halimah Sadique yang bertanding di Parlimen Kota Tinggi melakukan lawatan dari rumah ke rumah di seluruh parlimen tersebut (Berita Harian, 18 April 2018). Kempen di kawasan parlimen yang mempunyai petempatan FELDA dipertingkatkan oleh UMNO Johor pada PRU 14. Mereka melihat kawasan FELDA amat penting untuk UMNO mengekalkan penguasaan mereka sama ada untuk kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri. Oleh itu pada PRU 14, UMNO Johor berusaha untuk memberi tumpuan terhadap pengundi di kawasan FELDA di seluruh negeri ini. Kempen yang dilakukan oleh UMNO Johor diperkuatkan lagi dengan kehadiran Presiden UMNO supaya undi dari peneroka FELDA tidak cenderung ke arah pembangkang. Pengukuhan di kawasan FELDA bukan sahaja mencerahkan peluang UMNO untuk terus membentuk kerajaan Persekutuan, malah membolehkan UMNO mengekalkan kerajaan negeri Johor.

Namun begitu, keputusan yang dicatatkan oleh UMNO di kawasan FELDA seluruh Johor tidak menyebelahi mereka. UMNO dan BN tewas di kerusi parlimen yang mempunyai kawasan FELDA iaitu Parlimen Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Ledang, Simpang Renggam, Tebrau dan Kulai. UMNO hanya berjaya mengekalkan kemenangan di Parlimen Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi dan Pengerang (Laporan Keputusan Pilihan Raya Johor 2018). Kekalahan ini bukan sahaja menyebabkan UMNO kehilangan negeri Johor kepada PH, malah menyebabkan UMNO gagal membentuk kerajaan Persekutuan. Keadaan ini sekali gus membuktikan kerusi Parlimen yang mempunyai kawasan FELDA di Johor ini amat penting kepada mana-mana parti politik yang bertanding pada PRU.

### ***Ketuanan Melayu dan Institusi Raja***

Sejak ditubuhkan pada tahun 1946, UMNO telah sinonim dengan dakwaan parti untuk bangsa Melayu. Malah slogan utama parti itu, adalah mengenai bangsa Melayu iaitu 'Hidup Melayu'. Dakwaan perjuangan UMNO sebagai pelindung bangsa Melayu ini diteruskan dalam era moden dan dijadikan sebagai kempen terutamanya dalam PRU. Dalam era politik moden, UMNO mendakwa hanya parti ini yang membawa agenda untuk 'Ketuanan Melayu'. 'Ketuanan Melayu' bermaksud bangsa Melayu sebagai bangsa majoriti dan 'tuan' kepada Malaysia perlu diberi hak keistimewaan berbanding dengan kaum lain dari segi politik, ekonomi dan sosial (Reid, 2001, 297). Setiap kali kempen untuk PRU berlangsung, budaya 'Ketuanan Melayu' ini seringkali diketengahkan oleh pemimpin UMNO dalam usaha untuk

mengukuhkan undi dalam kalangan bangsa Melayu (Hutchinson, 2018, 27). Sekiranya bangsa Melayu terus memberi sokongan terhadap UMNO, selama itulah UMNO akan bertapak kukuh dalam politik tanah air kerana pengundi Melayu merupakan majoriti dan menjadi nadi utama untuk penubuhan kerajaan Persekutuan dan semua kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia.

Kempen mengenai 'Ketuanan Melayu' ini digunakan oleh UMNO untuk menonjolkan bahawa hanya parti itu yang mampu mempertahankan kelangsungan bangsa Melayu. Kempen mengenai 'Ketuanan Melayu' ini mula hangat diketengahkan oleh pemimpin UMNO Johor pada PRU 13 setelah kedudukan UMNO di negeri-negeri Pantai Barat dan Utara iaitu Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Kedah tergugat. Pada PRU 12, UMNO gagal memperoleh keputusan yang baik di beberapa buah negeri. Parti itu kehilangan kuasa di Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan gagal merampas semula Kelantan. Di Johor pula, UMNO masih menang semua kerusi DUN yang mereka tandingi. Namun begitu, DAP berjaya memperoleh kemenangan di Johor iaitu empat kerusi DUN dan sebuah kerusi Parlimen.

Oleh itu PRU 13 dijadikan medan oleh UMNO untuk menonjolkan hanya parti itu yang mampu mempertahankan bangsa Melayu. Misalnya dalam kempen di Parlimen Pagoh, Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin Yasin (2009-2015) menyatakan parti lain tidak mampu untuk mempertahankan bangsa Melayu. Beliau menyatakan walaupun PAS dan PKR dipimpin oleh bangsa Melayu, namun mereka tetap tunduk kepada DAP (Utusan Malaysia, 23 Februari 2013). Muhyiddin membandingkan dengan keadaan di Perak selepas UMNO kalah di negeri itu, semasa DAP mengugut untuk tidak hadir upacara angkat sumpah Menteri Besar, pemimpin PAS dan PKR hanya berdiam diri dan tidak bersuara mengenai hal tersebut (Utusan Malaysia, 23 Februari 2013). Kenyataan Muhyiddin ini secara tidak langsung memperlihatkan PAS dan PKR tidak mampu untuk mempertahankan bangsa Melayu, sekali gus menonjolkan hanya UMNO yang mampu mempertahankan bangsa Melayu.

Kempen mengenai 'Ketuanan Melayu' ini digerakkan di seluruh Johor agar pengundi Melayu tidak cenderung kepada parti pembangkang seperti PAS dan PKR. Pemimpin UMNO Johor ingin memperlihatkan kepada pengundi bahawa hanya UMNO mampu untuk mempertahankan bangsa Melayu (Weiss, 2014, 27). Melalui tindakan sedemikian, pemimpin UMNO secara tidak langsung mewujudkan kebergantungan dalam kalangan bangsa Melayu terhadap parti tersebut. Oleh itu pada PRU 13 di Johor, UMNO masih lagi mendapat sokongan dari pengundi Melayu. Mereka menang 32 kerusi DUN daripada 34 kerusi DUN yang ditandingi di Johor. Kekalahan BN di Johor pada PRU 13 hanya melibatkan kerusi yang mempunyai majoriti pengundi Cina kerana mereka lebih cenderung untuk mengundi DAP dan PKR pada PRU tersebut.

Pada tempoh kempen untuk PRU 14, isu mengenai Ketuanan Melayu ini diperhebatkan bukan sahaja melalui ucapan oleh pemimpin UMNO, malah menjadi isu utama dalam media arus perdana sama ada melalui akhbar ataupun televisyen. Akhbar-akhbar menyiarkan mengenai artikel mengenai kesan terhadap bangsa Melayu sekiranya UMNO tidak berkuasa, manakala siaran televisyen, terutamanya berita semasa waktu kemuncak menyiarkan berita mengenai tindakan yang dilakukan oleh DAP di Selangor dan Pulau Pinang (Weiss, 2014, 29). Misalnya akhbar Utusan Malaysia, banyak memuatkan artikel mengenai kelangsungan bangsa Melayu, terutamanya selepas PRU 13. Akhbar tersebut juga menyatakan, perpecahan Melayu akan menguntungkan DAP dan hanya UMNO yang mampu mempertahankan nasib bangsa Melayu (Utusan Malaysia, 19 November 2014). Begitu juga dengan siaran televisyen, mereka memuatkan ucapan dari pemimpin UMNO mengenai kelangsungan bangsa Melayu dan memberi contoh mengenai bangsa Melayu di Pulau Pinang kerana negeri tersebut ditadbir oleh DAP (Weiss, 2014, 29).

Kempen untuk PRU 14 diperhangatkan lagi dengan isu mengenai dakwaan pembelotan Dr. Mahathir dan Muhyiddin Yassin terhadap bangsa Melayu. Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor, Khaled Nordin, menyatakan Dr. Mahathir dan Muhyiddin adalah

pembelot kepada bangsa Melayu kerana mereka memperolehi kesenangan semasa berada dengan UMNO, kemudian belot kepada parti itu dan memilih untuk bersekutu dengan DAP (Utusan Malaysia, 11 Februari 2017). Manakala calon UMNO untuk Parlimen Pengerang, Azalina Othman pula menyatakan, bangsa Melayu hanya boleh bersatu melalui UMNO dan perpecahan yang berlaku ini hanya menguntungkan pihak lain yang hanya mempunyai kepentingan peribadi (Utusan Malaysia, 11 Februari 2017).

Berdasarkan kepada kenyataan dari pemimpin UMNO ini, jelas bahawa mereka cuba untuk menonjolkan UMNO sebagai sebuah parti yang melindungi bangsa Melayu. Mereka bukan sahaja mengkritik parti lawan, terutamanya parti komponen PH iaitu seperti PKR, AMANAH dan BERSATU yang dianggap sebagai pemecah belah bangsa Melayu, malah pemimpin-pemimpin kanan PH seperti Dr. Mahathir, Muhyiddin dan Anwar Ibrahim didakwa penyebab bangsa Melayu berpecah dan hanya mementingkan diri sendiri daripada bangsa Melayu (Utusan Malaysia, 3 April 2017). Tanpa sokongan kukuh dari bangsa Melayu, UMNO bukan sahaja akan kehilangan kuasa di peringkat Persekutuan, malah akan menyebabkan Johor jatuh kepada parti lain (Hutchinson, 2018, 24). Oleh itu semasa tempoh kempen untuk PRU, pemimpin UMNO akan menonjolkan bahawa parti itu adalah tempat untuk bangsa Melayu meneruskan kelangsungan mereka dan hanya UMNO yang mampu memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

Selain itu, semasa tempoh kempen, UMNO juga berusaha untuk menonjolkan parti itu memainkan peranan melindungi institusi Kesultanan. Sebagai sebuah parti yang ditubuhkan dari istana dan mendapat perkenan dari Sultan Johor, Sultan Ibrahim Al-Masyhur (1895-1959)<sup>6</sup> pada tahun 1946, sehingga kini UMNO dilihat sebagai sebuah parti yang mempunyai hubungan istimewa dengan institusi Kesultanan di Johor. Malah perkara yang membezakan Johor dengan negeri-negeri lain adalah disebabkan oleh Sultan Johor mengambil berat terhadap perkembangan politik semasa. Beberapa isu yang berlaku dalam kemelut UMNO Johor, mendapat perhatian daripada Sultan. Misalnya, Sultan Ibrahim Ismail memberi teguran kepada Puad Zarkashi agar tidak bertanding sebagai calon BEBAS kerana ianya akan menyebabkan UMNO berpecah dengan lebih serius, tambahan pula dengan isu penyingkiran Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada 2015 sudah tentu ianya akan memberi kesan yang lebih buruk terhadap UMNO di Johor (Berita Harian, 28 April 2018).

Berdasarkan kepada hubungan baik antara UMNO dan Sultan Johor, pemimpin UMNO akan memperlihatkan hanya UMNO sebagai sebuah parti yang mampu mempertahankan institusi Kesultanan. Kempen ini di perluaskan diseluruh Johor dan tumpuan utama kempen ini adalah di kerusi yang mempunyai majoriti pengundi Melayu. Semasa tempoh kempen, pemimpin UMNO Johor juga menyatakan parti pembangkang tidak menghormati institusi Kesultanan. Misalnya Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor, Khaled Nordin menyatakan, PKR dan PAS hanya berdiam diri semasa istiadat pembukaan DUN apabila kesemua ADUN lelaki DAP tidak memakai songkok sedangkan perasmian itu dihadiri oleh Sultan (Utusan Malaysia, 19 Jun 2008). Perkara ini dijadikan kempen untuk UMNO memburuk-burukkan DAP sebagai sebuah parti yang tidak menghormati institusi Kesultanan. Hubungan bangsa Melayu dengan Sultan amat rapat kerana mereka menganggap Sultan adalah pelindung kepada bangsa Melayu dan menjadi simbol asas kepada 'Ketuanan Melayu'. Oleh itu setiap kali PRU diadakan, UMNO akan menonjolkan mereka sebagai parti yang mempunyai hubungan yang baik dengan istana dan bertindak sebagai pelindung kepada institusi Kesultanan supaya sokongan dari bangsa Melayu tidak beralih kepada pembangkang.

### **Kesimpulan**

Secara konklusinya, cabaran yang dihadapi oleh UMNO di Johor dalam tempoh PRU 12



sehingga PRU 14 ini membuktikan parti itu tidak lagi berada dalam keadaan yang selesa di Johor. Tindakan agresif calon-calon pembangkang, terutamanya dalam kempen pilihan raya membabitkan isu ekonomi rakyat seperti GST dan kos sara hidup menyebabkan pengundi di Johor mula mengalihkan sokongan. Isu ekonomi ini merupakan isu yang penting untuk rakyat kerana melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Kejayaan parti pembangkang menguasai isu ini memberi kesan kepada calon UMNO yang bertanding di kawasan bandar dan luar bandar.

Walaupun begitu, UMNO tidak gagal secara keseluruhan terhadap cabaran yang dibawa oleh pihak pembangkang. UMNO masih berjaya memanipulasi isu-isu yang lain seperti Kesultanan, dan kepentingan bangsa yang sudah sinonim dengan parti tersebut sejak penubuhannya. Namun begitu, kejayaan UMNO yang menguasai isu tersebut menyebabkan parti itu hanya berjaya mempertahankan kedudukan di DUN atau Parlimen tertentu sahaja. Cabaran yang dihadapi oleh UMNO pada PRU 12 hingga PRU 14 ini turut memperlihatkan strategi yang diaturkan oleh parti tersebut. Namun, strategi yang direncanakan oleh UMNO tidak agresif seperti calon daripada parti pembangkang. Rata-rata pemimin UMNO Johor masih berasa parti tersebut berada dalam kedudukan yang selesa dan masih berpegang kepada gelaran 'kubu politik' atau 'deposit tetap penyokong' di Johor. Oleh itu pada PRU 14, UMNO dan BN pada akhirnya kehilangan Johor kepada parti pembangkang, buat pertama kali dalam sejarah politik parti tersebut kerana kegagalan strategi yang dirancang oleh parti tersebut di negeri ini.

### **Penghargaan**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi kepada pihak Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini.

### **Nota**

1. Gelaran 'kubu politik' ini diberikan terhadap Johor kerana parti utama BN yang bertanding di negeri ini iaitu UMNO dan MCA berjaya mencatat kemenangan bersih di negeri ini. Keadaan ini berterusan sehingga PRU 11 apabila BN berjaya mengekalkan rentak kemenangan di Johor, sekali gus dapat membentuk kerajaan negeri dengan kerjasama dari rakan komponen BN sejak PRU Pertama pada 1959. Kemenangan berturut-turut oleh BN dalam setiap PRU sama ada di kerusi DUN dan Parlimen menyebabkan Johor terus digelar dengan 'kubu politik BN'.
2. Antara yang dipindahkan untuk bertanding di Johor, Ling Liong Sik yang sebelum ini bertanding di Parlimen Mata Kuching, Pulau Pinang (1974-1982), berpindah ke kerusi selamat iaitu Parlimen Labis, Johor (1986-1999) setelah kerusi Parlimen yang ditandinginya berisiko untuk kalah. Begitu juga dengan Ong Ka Ting yang berasal dari Perak, mencari kerusi selamat untuk bertanding di di Parlimen Pontian, Johor. Manakala Wee Ka Siong yang berasal dari Melaka turut menjadikan Johor sebagai pengkalan politik beliau.
3. Pada 19 April 2017, Abdul Latiff Bandi ADUN Endau dan EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dihadapkan ke mahkamah kerana menghadapi dakwaan 33 kes rasuah berkaitan dengan hartanah di Johor yang bernilai lebih RM 30.3 Juta. Utusan Malaysia, *Latif Bandi didakwa*, 19 April 2017.
4. Projek pembangunan Forest City ini dilakukan oleh secara usahasama antara syarikat hartanah terbesar dari China, Country Garden Holding Co. Ltd dan anak syarikat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor iaitu Esplanade Danga 88 Sdn. Bhd. Projek pembangunan ini merangkumi kawasan perumahan mewah berharga RM 663,000

hingga RM 3 Juta. Projek ini dikritik kerana harga yang ditawarkan di luar kemampuan rakyat tempatan dan rumah yang dijual berstatus milik kekal terbuka untuk warganegara China. Serina Rahman, *Johor's Forest City Faces Critical Challenge*, Singapore: ISEAS Publishing, 2017, hlm. 8.

5. Program RMMJ diperkenalkan oleh kerajaan negeri pada 2013. Objektif utama projek ini dilakukan untuk memastikan rakyat Johor memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah sendiri. Melalui projek ini, kerajaan melaksakan skim sewa beli kepada pemohon yang layak dan harga rumah yang dijual ini jauh lebih murah berbanding harga pasaran. Terdapat tiga kategori harga rumah iaitu RM 42,000, RM 80,000 dan RM 150,000. Utusan Malaysia, Pembeli RMMJ Teruja Terima Kunci, 26 Oktober 2017.
6. Pada 11 Mei 1946, Kongres Melayu Se-Malaya Ketiga telah diadakan di Istana Besar Johor. Hasil daripada mesyuarat tersebut bersetuju untuk menubuhkan sebuah parti yang memperjuangkan bangsa Melayu dan menjunjung Sultan di negeri-negeri Melayu iaitu UMNO. Penubuhan UMNO mendapat sokongan padu oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Al-Masyhur. Ramlah Adam, *Gerakan Politik Melayu 1945-1957*, Kangar: Penerbitan Universiti Malaysia Perlis, hlm. 17.

### Rujukan

- Amer Saifude Ghazali. 2015. *Geografi Politik dan Rilihan Raya Kelantan*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Berita Harian, *Harga Minyak Naik Lagi*, 5 Jun 2007.
- Berita Harian, *UMNO: Hanya Najib Berucap Pada Sesi Penggulangan*, 9 Disember 2015.
- Berita Harian, *FELDA Bukan Lagi Kubu UMNO*, 1 Disember 2016.
- Berita Harian, *Forest City Tak Gadai Tanah Johor - Sultan Ibrahim*, 24 November 2017.
- Berita Harian, *Peneroka FELDA di Mersing Terima Hak Milik*, 18 April 2018.
- Berita Harian, *Sultan Johor Nasihat Puad Zarkashi Tidak Bertanding*, 28 April 2018.
- Berita Harian, *UMNO Masih Kukuh di Johor*, 30 April 2018.
- Berita Harian, *Kenapa Tidak Selesai Semasa Jadi Menteri Dulu?*, 3 Mei 2018.
- Berita Harian, *UMNO Siasat Protes Ahli*, 12 Mei 2018.
- Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P. 141 Sekijang, Pilihan Raya Umum 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P. 144 Sembrong, Pilihan Raya Umum 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P. 153 Sembrong, Pilihan Raya Umum 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P. 159 Pasir Gudang, Pilihan Raya Umum 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P. 160 Johor Bahru, Pilihan Raya Umum 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P. 160 Johor Bahru, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Helaian Mata (*Score Sheets*), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Hiley, John, 2008. *Mahahtir: Mahathirisme, Hagemoni dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad.
- Hutchinson, Francis E. 2018. *GE-14 in Johor The Fall of the Fortress?*, Singapore: Yusuf Ishak-ISEAS Publishing.
- Junaidi Awang Besar, 'Geopolitik dan Program Perumahan Rakyat di Kuala Lumpur Pasca

- Pilihan Raya Umum Ke-13', Tesis Ph.D, Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2015.
- Kevin Zhang, John Choo, Fong Sok Eng. 2021. *The Democratic Action Party in Johor: Assailing the Barisan Nasional Fortress*. Singapore: ISEAS-Yusof Ishak Institute.
- Laporan Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, 2013, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Laporan Ketua Audit Negara 2017, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor 2017, Jabatan Audit Negara Malaysia.
- Laporan Perkembangan Ekonomi Tahun 2008, Rancangan Malaysia Kesembilan, Unit Perancang Ekonomi.
- Lee Hock Guan, Nicholas Chan. 2018. *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor*. Singapore: ISEAS-Yusof Ishak Institute.
- Madhi Hassan, Hamdan Mohd Salleh. 2021. "PRU-14: Berakhirnya Era Kegemilangan Konsosiasionalisme". Selangor Humaniora Review. Selangor: Penerbit Unisel.
- Ostwald, Kai. 2018. "Electoral Boundaries in Malaysia's 2018 Election Malapportionment, Gerrymandering and UMNO's Fall" in Edmund Terence Gomez, Mohamed Nawab (ed.) *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall*. London: Routledge.
- Ramlah Adam. 2013. *Gerakan Politik Melayu 1945-1957*. Kangar: Penerbitan Universiti Malaysia Perlis.
- Reid, 2001. *Understanding Melayu (Malay) As A Souce of Diverse Modern Identities*. Journal of Southeast Asian Studies, Issue 32. Singapore: National University of Singapore.
- Serina Rahman, 2017. *Johor's Forest City Faces Critical Challenge*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Statistik Tenaga Buruh di Malaysia 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Suara Keadilan, *GST Untuk Pemimpin Boros*, 19 Mei 2015.
- Suara Keadilan, *Muhyiddin: Najib Akui 2.6 Bilion Dalam Akaun Peribadi*, 29 Julai 2015.
- The Star, *Najib: BN Will 'Keep' Pagoh Seat from Opposition*, 9 Februari 2018.
- The Star, *FELDA's Wave of Support for Pakatan Harapan*, 12 Mei 2018.
- Utusan Malaysia, *ADUN DAP Tidak Patuh Etika Pakaian Diarah Keluar Dewan*, 19 Jun 2008.
- Utusan Malaysia, *UMNO Tempat Melayu Berpayung - TPM*, 23 Februari 2013.
- Utusan Malaysia, *Mentaliti Cina dan Melayu*, 19 November 2014.
- Utusan Malaysia, *Najib Jamin Hasil GST Untuk Rakyat*, 12 Mei 2015.
- Utusan Malaysia, *Muhyiddin Terima Penggugurannya Dengan Hati Terbuka*, 28 Julai 2015.
- Utusan Malaysia, *UMNO Bawa Arus Pembangunan Negara*, 2 November 2015.
- Utusan Malaysia, *Muhyiddin, Mukhriz Dipecat*, 25 Jun 2016.
- Utusan Malaysia, *Tangani Empat Ancaman Hadapi PRU 14*, 30 November 2016.
- Utusan Malaysia, *Strategi Kit Siang Pecah-Belah Melayu?*, 3 April 2017.
- Utusan Malaysia, *Siapa Khianat UMNO?* 11 Februari 2017.
- Utusan Malaysia, *Hapuskan Persepsi Parti Korup*, 12 Mei 2017.
- Utusan Malaysia, *Pembeli RMMJ Teruja Terima Kunci*, 26 Oktober 2017.
- Utusan Malaysia, *Forest City: Jangan Terpengaruh Kritikan Tun M*, 1 Januari 2018.
- Utusan Malaysia, *Najib Melawat Kawasan FELDA Johor*, 10 Februari 2018.
- Utusan Malaysia, *UMNO Pagoh Semakin Kuat - Hishammuddin*, 13 Februari 2018.
- Utusan Malaysia, *PM Perjelas isu IMDB, GST, Hutang Negara*, 24 Mac 2018.
- Utusan Malaysia, *FELDA Benteng Terakhir Orang Melayu*, 4 Mei 2018.
- Weiss, Meredith L. 2014. *Electoral Dynamics in Malaysia: Findings from the Grassroots*, Singapore: ISEAS Publishing.